

→ BISNES

Bakal lahir pemimpin bertaraf dunia

Komentar



Md Riyadah Dahalan

Pengarah Khidmat Pelabur InvestKL



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ketika program Bakat Global Malaysia 2018 yang berlangsung baru-baru ini.

Usaha Transformasi Greater Kuala Lumpur yang dimulakan sejak 2010 menunjukkan hasil yang membanggakan.

Kuala Lumpur kini tersohor sebagai hab perniagaan di rantau Asia Pasifik. Hasil giat InvestKL serta agensi kerajaan lain, puluhan syarikat multinasional menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab serantau.

Anjakan transformasi ini secara organiknya menjana peluang dan permintaan untuk lebih ramai bakat bertaraf dunia.

Hakikat pada hari ini, Malaysia sudah berusaha melahirkan pemimpin multinasional global. Namun, jumlah pelapisnya tidak ramai jika dibandingkan dengan jumlah posisi kepimpinan multinasional yang bakal diwujudkan dalam tempoh lima tahun ini. Jika multinasional ini tidak dapat mencari bakat tempatan untuk mengisi kekosongan berkenaan, natijahnya kekosongan ini akan diisi oleh ekspatriat asing.

Tidak memadai dengan ijazah pertama atau kelulusan dari uni-

versiti ternama, jika seseorang itu ingin menduduki tumpukan kepimpinan sebuah multinasional, ciri-ciri khas seperti keyakinan tinggi, kepetahanan, pemikiran kritis dan kreativiti haruslah terserlah.

Sasaran program

Menyedari hakikat ini, InvestKL bersama TalentCorp (dengan sokongan Kementerian Pengajian Tinggi) membentuk satu program khas yang dikenali Program Bakat Global Malaysia bagi melahirkan 5,500 pemimpin masa depan (dalam tempoh 5 tahun) yang berupaya untuk memegang tumpukan kepimpinan multinasional global.

Ini adalah satu sasaran konservatif berdasarkan anggaran jumlah posisi pengurusan yang akan diwujudkan oleh hab multinasional di Kuala Lumpur dalam tempoh lima tahun.

Kelainan program ini jika dibandingkan dengan program bakat sedia ada ialah ianya menyasarkan tiga peringkat kelompok yang berbeza, iaitu mahasiswa/graduan, eksekutif muda dan senior.

Bagi program mahasiswa/

graduan, ianya akan diselia oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan bagi program eksekutif muda dan senior, pihak InvestKL dan TalentCorp akan berkolaborasi dengan institusi kepimpinan dunia (yang sejumlahnnya mempunyai pejabat serantau mereka di Kuala Lumpur).

Objektif utama pembentukan program ini, selain melahirkan bakat pemimpin global adalah untuk mengecilkan jurang kemahiran antara dunia akademik dan industri dan memangkin peralihan teknologi.

Waima, sekalipun mereka tidak berhasrat untuk menelusuri tangga kepemimpinan multinasional ini, mereka akan mempunyai bakat khas untuk menjadi entrepreneur atau pemimpin organisasi lain malah menjadi pemimpin pada peringkat kerajaan sekalipun.

Pengisian program

Program ini akan dimulakan melalui fasa perintis yang mana sebanyak 12 syarikat multinasional (meliputi pelbagai sektor industri seperti minyak dan gas, IT dan pembuatan) akan bekerjasama

dengan 10 universiti tempatan (termasuk universiti awam, swasta dan juga universiti asing yang mempunyai kampus di Malaysia).

Sejumlah aktiviti sedia ada yang dirangka oleh Kementerian Pengajian Tinggi akan diguna pakai seperti program sangkutan jangka panjang atau 2u2.

CEO@Faculty (yang mana CEO syarikat ternama di Malaysia akan dilantik menjadi profesor pelawat) dan juga program latihan di ibu pejabat multinasional.

Bagi aktiviti program eksekutif muda dan senior pula, program ini akan memperkenalkan program mentoring dengan pihak pengurusan, bootcamp kepemimpinan dan juga pencarian bakat Malaysia di luar negara.

Apabila fasa perintis ini berjalan lancar, program ini akan diperluaskan kepada multinasional dan universiti lain. Sememangnya, Program Bakat Global Malaysia ini diharapkan akan menjadi satu gamechanger yang bakal mengubah kualiti dan persepsi dunia kepada bakat yang ada di Malaysia kelak.

Pelan Tindakan Produktiviti dapat sambutan

Pelaksanaan Pelan Tindakan Produktiviti Malaysia (MPB) dilihat mendapat maklum balas positif dari pemain industri berdasarkan kepada tahap komitmen, keyakinan dan pembabitan pihak swasta terhadap pelaksanaan produktiviti dalam syarikat masing-masing sehingga kini.

Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Mohd Razali Hussain, berkata situasi terbabit disumbang melalui langkah kerajaan yang memperkasakan peranan sektor swasta dalam meningkatkan lagi sasaran pertumbuhan produktiviti syarikat dan industri masing-masing.

“Saya lihat mereka mula mem-

bincangkan serta merancang pelaksanaan inisiatif berkaitan meskipun mereka agak skeptikal mengenai langkah ini pada peringkat awal,” katanya pada Seminar MPB untuk Sektor Pengilangan di Subang Jaya, semalam.

MPB dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak pada Mei tahun lalu bertujuan meningkatkan lagi produktiviti negara ke tahap lebih baik dengan sasaran pertumbuhan kadar produktiviti buruh sebanyak 3.7 peratus menjelang 2020.

Untuk mencapai sasaran itu, sebanyak sembilan Nexus Produktiviti diperkenalkan bagi memacu pertumbuhan industri seperti

elektrik dan elektronik (E&E), produk dan bahan kimia; jentera dan peralatan; peruncitan serta makanan dan minuman; pelancongan; agro makanan, teknologi maklumat dan komunikasi, perkhidmatan profesional dan penjagaan kesihatan.

Sebanyak 43 inisiatif meningkatkan prestasi dan produktiviti digariskan melalui sembilan Nexus Produktiviti itu yang mana ia akan diterajui oleh syarikat atau individu terpilih yang memiliki pengalaman dan pengetahuan tinggi dalam sektor masing-masing.

Inisiatif tingkat produktiviti

Beliau berkata, pada peringkat awal

pelaksanaan MPB lebih cenderung kepada pengenalan 43 inisiatif yang digariskan di bawah MPB dan Nexus Produktiviti, iaitu inisiatif sektor swasta untuk lebih membabitkan diri dan menyelesaikan isu berkaitan produktiviti.

Menurutnya, sebelum ini inisiatif untuk meningkatkan tahap produktiviti banyak diterajui sektor kerajaan dan pengenalan MPB itu akan menjadikan syarikat dalam industri lebih bertanggungjawab dengan produktiviti.

“Mereka akan melaksanakan inisiatif meningkatkan kadar produktiviti masing-masing manakala kami di MPC akan membekalkan maklumat dan menyediakan alat

pengukur produktiviti untuk mengetahui pasti masalah berkaitan dan menyelesaikannya,” katanya.

Razali berkata, MPC akan melaksanakan program MPB membabitkan industri pengilangan seperti E&E, produk dan bahan kimia; jentera dan peralatan terlebih dahulu sebelum diperluaskan kepada enam sektor lain.

“Kami menjangkakan pengjuran program susulan bagi membincangkan dan melaksanakan inisiatif terbabit dengan perkembangan bagi setiap aktiviti berkaitan, termasuk dari aspek penyertaan, pengjuran program akan dilaporkan pada setiap suku tahun,” katanya.